

Pembugaran Kajian Kearifan Tempatan Melayu Melalui Teks Sastra Melayu Lama

Hasrina Baharum^{1*}, Nordiana Hamzah², Farra Humairah Mohd³

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Corresponding Author^{1}: hasrina@fbk.upsi.edu.my*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneliti dan memugar kehebatan serta kepandaian masyarakat Melayu tradisional dalam pelbagai bidang ilmu melalui analisis teks sastra Melayu lama. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis bentuk kearifan tempatan berdasarkan karya sastra Melayu lama (tradisional). Kajian ini berbentuk kualitatif dengan kaedah kajian kepustakaan dan analisis teks berasaskan **falsafah Alam Berkembang Jadi Guru**. Teks yang dianalisis meliputi beberapa buah karya terpilih seperti *Hikayat Hang Tuah*, *Sulalatus Salatin*, *Hikayat Raja Pasai* dan *Undang-undang Laut Melaka* dan juga yang diakses daripada pengkalan data Malay Concordance Project (MCP). Dapatan kajian menunjukkan bahawa teks-teks tersebut bukan sahaja menyimpan nilai budaya, adat resam dan falsafah hidup, tetapi juga membuktikan keunggulan masyarakat Melayu dalam ilmu kearifan tempatan Melayu meliputi ilmu falak dan navigasi, ilmu mengenal tapak landskap, ilmu menggubah landskap Melayu, ilmu bedil dan ilmu gajah berdasarkan hubungan yang akrab dengan alam. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa teks sastra Melayu merupakan repositori ilmu tradisional yang mempunyai nilai epistemologi, budaya dan saintifik yang dapat menyumbang kepada pengukuhan falsafah *Alam Berkembang Jadi Guru* sebagai kerangka ilmu kearifan tempatan; di samping membuka ruang integrasi warisan pengetahuan Melayu dalam penyelidikan interdisiplin dalam konteks kontemporari. Kesimpulannya, falsafah *Alam Berkembang Jadi Guru* menunjukkan bahawa teks sastra Melayu lama berperanan sebagai khazanah ilmu yang masih relevan dan wajar dibugar dan perkukuh dengan kajian

lanjut untuk kegunaan masa kini dan masa hadapan.

Kata kunci: Alam Berkembang Jadi Guru, ilmu tradisional, identiti budaya, kearifan tempatan, sastera Melayu lama.

1. PENGENALAN

Kearifan tempatan atau *local wisdom* boleh didefinisikan sebagai pengetahuan, pengalaman, nilai dan amalan yang terbentuk hasil interaksi masyarakat dengan alam sekeliling serta diwariskan secara turun-temurun (Geertz, 1973; Alisjahbana, 2008). Dalam konteks masyarakat Melayu, kearifan ini tidak hanya bersifat praktikal, tetapi turut mengandungi falsafah hidup yang mencerminkan kebijaksanaan masyarakat dalam menyesuaikan diri dengan alam. Hubungan masyarakat Melayu lama dengan alam sangat akrab berdasarkan corak dan cara hidup mereka untuk kelangsungan hidup. Perkara ini mempunyai hubungan rapat dengan falsafah hidup yang dipegang oleh mereka suatu ketika dahulu, iaitu *Alam Berkembang Jadi Guru*. Falsafah ini berasal daripada bahasa Minangkabau di Sumatera Barat “Alam takambang jadi guru”. Menurut Mohamad Hanif Abdul Wahab dan Azizi Bahaiddin (2017), masyarakat Minangkabau telah lama menjadikan alam sebagai guru. Mereka bahkan sentiasa mendekatkan diri dengan alam sebagai satu proses pencarian ilmu melalui pengalaman merantau keluar dari tanah Minangkabau. Secara ringkasnya, falsafah ini menegaskan bahawa segala pemerhatian terhadap alam semesta dapat dijadikan panduan untuk memperoleh ilmu, membentuk nilai dan menghasilkan teknologi (Rahman Shaari, 2015).

Sehubungan itu alam dapat dijadikan sumber utama pengetahuan, panduan hidup serta asas kepada penciptaan teknologi masyarakat Melayu. Perkara ini boleh dikaji berdasarkan teks sastera Melayu lama yang menjadi sebahagian daripada dokumentasi sosial

berkaitan kehidupan masyarakat Melayu zaman silam, sama ada yang disampaikan secara lisan atau tulisan dalam pelbagai genre. Teks sastra Melayu lama merujuk kepada karya sastra Melayu tradisional yang dihasilkan sebelum tahun 1800 M, iaitu sebelum berkembangnya penggunaan alat cetak sebagai medium penyebaran kepada khalayak. Hasil karya sastra Melayu lama ini termasuklah yang disampaikan secara lisan ataupun tulisan.

Sastra lisan merujuk kepada karya yang disampaikan secara pertuturan daripada satu generasi kepada generasi yang lain, sama ada dalam bentuk puisi (karangan berangkap) seperti pantun, teromba, talibun dan jampi serapah; atau dalam bentuk prosa (karangan panjang) seperti cerita binatang, cerita lipur lara, cerita mitos, cerita lagenda dan cerita jenaka. Sementara sastra tulisan pula merujuk kepada karya yang disampaikan secara tulisan kepada khalayak, hasil daripada pertembungan dunia Melayu dengan tamadun luar, seperti India dan Arab Parsi. Sastra tulisan yang berkembang melalui tulisan Jawi hasil daripada pengaruh Arab Parsi (Islam) melahirkan pelbagai genre sastra yang lain pula, seperti sastra kitab, sastra undang-undang dan ketatanegaraan, sastra sejarah, sastra hikayat, sastra epik, cerita nabi dan tokoh islam dan ilmu kepustakaan Melayu.

Kesemua karya sastra Melayu tradisional ini bukan sahaja berfungsi sebagai dokumentasi sejarah peradaban bangsa atau hiburan, tetapi juga sebagai repositori ilmu pengetahuan yang menyimpan kearifan tempatan masyarakat silam. Dalam konteks kajian ini terdapat beberapa teks daripada genre karya sastra Melayu lama yang akan dianalisis. Antaranya termasuklah sastra sejarah seperti *Sulalatus Salatin*, *Hikayat Siak*; ilmu kepustakaan Melayu tradisional seperti kitab *Tajul Muluk*, *Mantra Gajah*, *Adat Segala Raja-raja Melayu*, *Petua Menembak Meriam*; cerita lipur lara, seperti *Hikayat Malim Deman*; sastra epik seperti *Hikayat Hang Tuah*; dan sastra hikayat, iaitu *Hikayat*

Jauh Manikam. Kesemua teks ini menjadi khazanah budaya bangsa kerana mencerminkan sistem nilai, adat dan ilmu yang berkembang sebelum tahun 1800 M serta memaparkan dimensi kearifan tempatan yang berhubung langsung dengan pengetahuan dalam pelbagai bidang yang masih kurang diketengahkan secara menyeluruh (Sweeney, 1987; Muhammad Haji Salleh, 2006).

Meskipun terdapat kajian yang membicarakan warisan budaya dalam sastera Melayu (Hashim Awang, 1985; Sweeney, 1987), penyelidikan yang memberi fokus kepada pembugaran kearifan tempatan berasaskan ilmu tradisional masih terhad. Teks sastera Melayu lama sering dianggap sekadar rekod hiburan atau catatan istana, sedangkan kandungan ilmunya yang mendalam kurang mendapat perhatian dalam arus pendidikan dan penyelidikan moden. Menurut Rahimah A. Hamid (2012), cabaran globalisasi turut memperlihatkan kecenderungan generasi muda menjauhi teks sastera Melayu lama, sekali gus menimbulkan kebimbangan bahawa warisan ilmu tersebut mungkin hilang daripada ingatan kolektif masyarakat. Keadaan ini menuntut satu penilaian semula terhadap teks sastera Melayu lama melalui falsafah *Alam Berkembang Jadi Guru* supaya kearifan yang terakam di dalamnya dapat terus dipelihara dan dimanfaatkan.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis bentuk kearifan tempatan melalui karya sastera Melayu lama berdasarkan falsafah *Alam Berkembang Jadi Guru*. Kajian ini penting kerana membuka ruang kepada pemahaman baharu bahawa teks sastera Melayu lama sebenarnya merupakan dokumen ilmu yang berlapis. Pertama, kajian ini menyumbang kepada usaha pemuliharaan warisan ilmu agar tidak lenyap ditelan zaman. Kedua, memperkukuh identiti budaya bangsa dengan menampilkan semula kepandaian masyarakat Melayu dalam menghadapi cabaran zaman mereka. Ketiga, hasil kajian ini berpotensi dijadikan asas untuk pengintegrasian

warisan ilmu dalam sistem pendidikan, khususnya dalam kurikulum kesusasteraan, sejarah, dan kajian budaya (Muhammad Haji Salleh, 2006; Rahman Shaari, 2015). Dengan itu, pengkaji, pendidik dan pembuat dasar dapat memahami bahawa teks klasik Melayu bukan sahaja warisan estetik, tetapi juga khazanah kearifan yang masih relevan untuk pembangunan masyarakat masa kini.

2. SOROTAN LITERATUR

Dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, pelbagai kajian telah dijalankan berkaitan kearifan tempatan masyarakat Melayu dan etnik lain di Nusantara. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian tersebut hanya menumpukan terhadap aspek makanan, pakaian, atau ritual budaya tanpa memberi perhatian mendalam terhadap teks sastra Melayu lama sebagai sumber ilmu tradisional. Sebagai contoh, kajian oleh Mohd Norahman Shah Mohd Salleh et al. (2025) berjudul *The Principle of Al-Tayyib in the Local Wisdom of Malay Community's Food Culture* bertujuan meneliti aplikasi prinsip *al-Tayyib* dalam budaya makanan masyarakat Melayu. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan ulasan literatur sebagai metodologi, berpandukan prinsip Islam dan konsep kearifan tempatan sebagai kerangka teori. Hasil kajian menunjukkan bahawa prinsip *al-Tayyib* masih diamalkan melalui penggunaan ulam, herba dan rempah dalam makanan tradisional Melayu, yang menggambarkan keseimbangan antara nilai agama dan budaya (Mohd Norahman Shah et al., 2025). Walau bagaimanapun, fokus kajian ini hanya terhad kepada aspek makanan dan tidak melibatkan teks sastra lama sebagai sumber kearifan, sekali gus memperlihatkan jurang penyelidikan yang boleh diisi oleh kajian ini.

Kajian lain oleh Rehayati, Hasbi dan Martius (2023) bertajuk *An Exploration of Local Wisdom: Rites of Passage in Malay Culture*

in Riau and Palembang pula meneliti nilai kearifan tempatan yang terkandung dalam ritual peralihan hidup masyarakat Melayu di Riau dan Palembang. Kajian yang mengaplikasikan metodologi kualitatif melalui temu bual dan pemerhatian lapangan ini menekankan bahawa ritual budaya seperti kelahiran, perkahwinan dan kematian dipengaruhi oleh nilai Islam serta menjadi cerminan adaptasi budaya tempatan dengan agama. Kajian ini mengukuhkan kefahaman bahawa kearifan tempatan bukan sahaja diwarisi tetapi turut mengalami penyesuaian dengan nilai agama (Rehayati et al., 2023). Walaupun penting dari sudut antropologi budaya, kajian ini tidak menggunakan teks sastra Melayu lama sebagai sumber analisis, dan yang menjadikannya berbeza daripada fokus kajian ini.

Dalam bidang kesusasteraan rakyat, Yaacob et al. (2024) melalui kajian *Moral Values in Malay Folklore: Perspectives of Learners* menganalisis nilai moral dalam cerita rakyat Melayu dengan mengambil perspektif pelajar universiti sebagai responden. Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif berasaskan soal selidik dan analisis perpustakaan terhadap teks cerita rakyat seperti *Tok Chok Penyelamat Kampung* dan *Bidan Mok Long Haji*. Dapatan menunjukkan bahawa nilai moral dalam cerita rakyat dapat membentuk keperibadian positif pelajar melalui penghayatan nilai kesetiaan, kejujuran dan hormat (Yaacob et al., 2024). Walau bagaimanapun, kajian ini lebih menekankan aspek nilai moral berbanding warisan ilmu tradisional seperti falak, pelayaran atau perubatan.

Selain itu, Norjietta@Julita Taisin (2024) dalam kajian bertajuk *Pengaruh Kepercayaan dan Kearifan Tempatan terhadap Amalan Perubatan Tradisional Masyarakat Kadazandusun* meneliti hubungan antara kepercayaan budaya dengan amalan perubatan tradisional masyarakat Kadazandusun di Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan etnografi dan temu bual bersama pengamal perubatan.

Dapatan kajian membuktikan bahawa kearifan tempatan masih memainkan peranan penting dalam pemilihan rawatan, penggunaan herba serta interaksi pesakit dengan pengamal. Kajian ini mengesahkan bahawa perubatan tradisional merupakan manifestasi kearifan yang masih hidup (Taisin, 2024). Walaupun signifikan, kajian ini berfokus kepada komuniti bukan Melayu dan tidak meneliti teks sastra Melayu lama sebagai dokumen ilmu tradisional.

Dalam konteks estetika budaya pula, kajian *Islamic Aesthetics and Local Wisdom in Malay Traditional Attire: A Study on Baju Melayu* oleh Mohd Norahman Shah Mohd Salleh, Meerangani, Abdul Hamid, Hashim, & Abd Wahab (2025) meneroka nilai estetika Islam dan kearifan tempatan melalui reka bentuk serta pemakaian baju Melayu. Kajian ini mengaplikasikan metodologi kualitatif berasaskan analisis visual dan dokumen. Dapatan kajiannya pula mendapati nilai Islam seperti kesederhanaan dan kesopanan berjaya digabungkan dengan motif dan simbol tempatan dalam pakaian tradisional Melayu. Kajian ini memperlihatkan kearifan tempatan dari segi estetika visual dan identiti budaya (Mohd Norahman Shah Mohd Salleh, Meerangani, Abdul Hamid, Hashim, & Abd Wahab, 2025). Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menyentuh dimensi pengetahuan tradisional yang terkandung dalam teks klasik Melayu.

Berdasarkan sorotan di atas, jelas bahawa kajian-kajian terkini banyak membincangkan kearifan tempatan dalam domain terpilih seperti makanan, pakaian, ritual budaya, nilai moral dan perubatan. Namun, hampir tiada kajian yang menjadikan teks sastra Melayu lama sebagai sumber utama analisis kearifan tempatan, khususnya dalam bidang ilmu tradisional seperti falak, pelayaran, seni bina landskap, ilmu bedil dan ilmu gajah. Falsafah tempatan *Alam Berkembang Jadi Guru* juga masih belum digunakan secara meluas sebagai kerangka epistemologi dalam menganalisis teks sastra Melayu lama. Sehubungan itu, kajian ini cuba

mengisi kelompangan tersebut dengan memfokuskan kepada pembacaan teks sastra Melayu lama menggunakan falsafah *Alam Berkembang Jadi Guru*, sekali gus mengangkat warisan ilmu tradisional Melayu sebagai asas penting dalam membina identiti budaya kontemporari.

3. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan kajian kepustakaan dan analisis teks sebagai kaedah utama. Pemilihan reka bentuk kualitatif adalah sesuai kerana tujuan kajian adalah untuk memahami secara mendalam kandungan ilmu dan kearifan tempatan yang tersembunyi dalam teks sastra Melayu lama. Menurut Creswell (2018), pendekatan kualitatif membolehkan penyelidik meneliti makna, simbol dan nilai yang tersirat dalam data berbentuk naratif dan dokumen, sekali gus menjadikan analisis teks sastra Melayu lama lebih menyeluruh. Pendekatan ini juga membolehkan pentafsiran bersifat interpretatif berasaskan falsafah *Alam Berkembang Jadi Guru* yang menekankan hubungan rapat antara manusia dengan alam sebagai sumber ilmu.

Sumber data utama bagi kajian ini ialah teks sastra Melayu lama yang dianggap sebagai dokumen budaya dan ilmu tradisional. Teks yang dipilih adalah daripada genre sastra sejarah seperti *Sulalatus Salatin*, *Hikayat Siak*, ilmu kepustakaan Melayu tradisional seperti kitab *Tajul Muluk*, *Mantra Gajah*, *Adat Segala Raja-raja Melayu*, *Petua Menembak Meriam*; sastra epik seperti *Hikayat Hang Tuah*. Sebagai contoh, *Sulalatus Salatin* bukan sahaja mencatat sejarah politik, tetapi turut mengandungi pengetahuan tentang ilmu mengenal tapak dan ilmu mengubah landskap Melayu. *Hikayat Hang Tuah* pula memuatkan maklumat mengenai pelayaran. Selain itu, teks-teks sastra Melayu lama juga diakses daripada pengkalan data *Malay Concordance Projek*

(<https://mcp.anu.edu.au/Q/mcp.html>) yang dianalisis menggunakan kata kunci tertentu bagi mengenal pasti dan menganalisis kearifan tempatan Melayu dalam ilmu falak dan navigasi, ilmu mengenal tapak landskap, ilmu mengubah landskap, ilmu bedil dan ilmu gajah.

Kaedah pengumpulan data dilakukan melalui kajian kepustakaan yang melibatkan pembacaan dan analisis teks yang melibatkan penafsiran teks sastra Melayu lama dalam bentuk manuskrip dan versi cetakan moden. Kajian kepustakaan turut merangkumi penelitian terhadap penulisan sarjana terdahulu yang berkaitan dengan kearifan tempatan dan falsafah *Alam Berkembang Jadi Guru*. Analisis teks dilakukan dengan meneliti petikan-petikan yang berkaitan dengan bidang kearifan tempatan Melayu yang menjadi fokus utama kajian. Data-data daripada kajian lalu berkaitan kearifan tempatan turut dianalisis bagi menambah bukti dalam mengukuhkan dapatan kajian.

Dari segi kerangka teori, kajian ini berpaksikan falsafah *Alam Berkembang Jadi Guru* sebagai asas epistemologi. Pendekatan ini menekankan bahawa segala bentuk ilmu masyarakat Melayu lahir daripada pemerhatian terhadap alam semula jadi dan pengalaman hidup yang diolah menjadi panduan serta amalan (Rahman Shaari, 2015). Analisis data pula menggunakan pendekatan tematik, iaitu mengenal pasti tema-tema utama yang menggambarkan kearifan tempatan. Data daripada teks disusun mengikut kategori bidang ilmu, seterusnya ditafsir berdasarkan prinsip *Alam Berkembang Jadi Guru*. Sebagai contoh, deskripsi pelayaran yang menggunakan bintang dalam *Hikayat Hang Tuah* ditafsir sebagai manifestasi kearifan ilmu falak. Kaedah ini bukan sahaja mendedahkan kandungan ilmu dalam teks, tetapi juga menunjukkan cara masyarakat Melayu mentafsir alam untuk kelangsungan hidup mereka. Instrumen kajian ialah senarai semak analisis kandungan berdasarkan tema-tema bidang ilmu kearifan tempatan yang dikenal pasti berdasarkan falsafah *Alam Berkembang Jadi Guru*.

Secara keseluruhannya, metodologi kajian ini menekankan integrasi antara sumber teks sastra Melayu lama dan falsafah tempatan. Hal ini bertujuan memastikan bahawa penguasaan kearifan tempatan melalui teks sastra Melayu lama dapat dijalankan secara sistematik, terperinci dan memberi sumbangan baharu kepada wacana ilmu serta pemeliharaan identiti budaya Melayu.

4. ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Kajian ini meneliti kearifan tempatan Melayu melalui teks sastra klasik dengan memberi fokus kepada beberapa bidang yang telah dikenal pasti berdasarkan kajian kepustakaan dan analisis teks. Analisis ini dipandu oleh falsafah *Alam Berkembang Jadi Guru* yang menegaskan bahawa alam semesta merupakan sumber ilmu pengetahuan dan panduan kehidupan (Rahman Shaari, 2015). Dengan menggunakan teks seperti *Sulalatus Salatin*, *Hikayat Siak*, teks ilmu kepustakaan Melayu tradisional seperti kitab *Tajul Muluk*, *Mantra Gajah*, *Adat Segala Raja-raja Melayu*, *Petua Menembak Meriam*; sastra epik seperti *Hikayat Hang Tuah*; dan data daripada *Malay Concordance Project*, kajian ini mendapati bahawa masyarakat Melayu silam telah membina epistemologi ilmu mereka yang tersendiri berdasarkan pembacaan dan tafsiran terhadap tanda-tanda alam. Perkara ini dibincangkan dengan lebih lanjut dalam subtopik berikut:

4.1 Ilmu Falak dan Navigasi Laut

Ilmu falak dalam konteks kearifan tempatan Melayu merujuk kepada gabungan pengetahuan astronomi tradisional dengan pengalaman, kepercayaan dan pemerhatian alam yang diwarisi secara turun-temurun. Ilmu ini digunakan bagi menentukan waktu ibadah, arah

kiblat, perjalanan pelayaran, perubahan musim pertanian serta mentafsir fenomena alam seperti gerhana sebagai sebahagian daripada pandangan kosmologi Melayu (Mohd Rosli, 2020; Nasir, 1984). Ilmu falak dalam *Hikayat Aceh* berfungsi sebagai asas teknologi maritim. Dalam hal ini terdapat frasa “angin timur” seperti yang ditunjukkan di bawah:

“Maka Sultan Ghorī pun kembali ke
ghorabnya. Maka **angin timur** pun bertiup.
Maka larat sauh segala angkatan Sultan
Ghorī itu lalu berlabuh ke Teluk Isyikidar.
... (*Malay Concordance Project*)

Sementara dalam manuskrip *Bo 'Sangaji Kai* pula naskhah milik Yayasan Museum Samparaja, [Kota Bima - 62 folios including supplementary 4 folios (35a-35h)], perkataan “angin timur” dapat ditunjukkan dalam petikan berikut:

... Sampai siang hari Ahad, baharu
berangkat lagi layar pukul satu, lagi belayar
yang hampir dengan negeri Sandrabone.
Kerana maka demikian belayar ini sebab
ditusuk oleh **angin timur** yang berbetulan
dengan uluan perahu, hanya belayar
meyusu[r] setengah hari juga adanya dan
perahu Tuan Kita dengan segala perahu
itu berlabuh di pihak Hujung ... (*Malay
Concordance Project*)

Perkataan “angin timur” dalam kedua-dua petikan karya di atas menjelaskan tentang aktiviti pelayaran masyarakat zaman dahulu yang dijalankan berlandaskan pemerhatian terhadap angin. Petikan ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu zaman dahulu menjadikan angin sebagai petunjuk arah, musim dan masa berlayar. Dalam konteks

ini Braginsky (1994) menyatakan bahawa teks sastra menyimpan ilmu praktikal yang diperlukan untuk kehidupan. Menurut Yatim (2020) pula ilmu falak Melayu berkembang selari dengan keperluan pelayaran, perdagangan dan penentuan waktu ibadat. Dalam kerangka *Alam Terkembang Jadi Guru*, angin ialah “guru” yang mendidik manusia untuk mengurus perjalanan laut selain berpandukan bintang. Hari ini, pengetahuan ini masih relevan, khususnya dalam konteks pendidikan astronomi, navigasi tradisional dan juga dalam meningkatkan kesedaran ekologi bahawa alam bukan objek yang ditundukkan, tetapi rakan strategik manusia.

4.2 Ilmu Perubatan Tradisional

Teks sastra Melayu lama juga memperlihatkan amalan perubatan tradisional melalui kisah-kisah yang dibawakan kepada khalayaknya. Walaupun teks-teks tersebut jarang memperincikan formula ubat-ubatan lengkap, konteks cerita yang diketengahkan menunjukkan bahawa masyarakat Melayu zaman dahulu mempunyai ilmu perubatan yang sesuai dalam konteks zamannya. Sebuah karya ketatanegaraan, iaitu *Taj al-Salatin* karangan Bukhari al-Jauhari (ed. Khalid M. 1992) mencatatkan penggunaan perkataan “ubat” dan “penyakit” watak yang terdapat teks melalui contoh petikan berikut:

Maka Hakim itu berkata, “Hai segala menteri dan hulubalang dan lain dari itu yang ada hadir sekalian. Ketahui oleh kamu bahawa Shah Alam sakit daripada penyakitan dan **ubat penyakit** itu tiada dalam kitab hukumat ubat itu,

Hendaklah cari oleh kamu sekalian tanah dari tempat yang binasa dan tiada barang seorang duduk pada tempat itu supaya segera ... (*Malay Concordance Project*)

Demikian juga, perkataan “ubat” dan “penyakit” ditemukan dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnian* (ed Haji Khalid Muhammad Hussain, 1986) seperti yang diapaparkan dalam petikan di bawah:

“.... dari perut.” Maka dipersembahkan luka Hakim kata segala tabib itu. Maka sukacitalah Raja Darab. Maka Raja Darab menyuruh panggil akan mereka. Maka sabda Raja Darab, “Apakah **ubat penyakit** itu?” Maka sembah tabib, “Ya tuanku, akan ubatnya ada suatu daun Iskandar. Itulah akan ubatnya.” Maka sabda raja, “Adakah padamu daun dan kayu itu.” (*Malay Concordance Project*)

Sementara dalam *Taj al-Salatin* (Edisi Roorda, 1827) pula kedua-dua perkataan tersebut turut ditemukan dalam petikan berikut:

.... menghadap raja Nusyirwan. Maka hakim berkata: Hai, segala menteri dan hulubalang dan lain daripada itu yang hadir di sini, ketahui oleh kamu bahwa Yang Dipertuan ada sakit dan **obat penyakit** itu ada dalam kitab hikmat obat juga. Maka karena itu hendaklah cahari oleh kamu sekalian tanah daripada tempat yang binasa

di mana tiada barang seorang duduk
supaya... (*Malay Concordance Project*)

Berdasarkan petikan-petikan tersebut, boleh dikatakan ilmu perubatan telah wujud sebagai suatu bentuk kearifan tempatan Melayu yang boleh diperkukuh dengan kajian lain pada masa hadapan. Ilmu ini pula pasti wujud berdasarkan pengetahuan masyarakat Melayu hasil daripada pengalaman atau hubungan mereka yang akrab dengan alam. Dalam konteks *Alam Terkembang Jadi Guru*, tumbuhan, akar kayu dan herba telah dikenal pasti sifat-sifatnya untuk penyembuhan penyakit berdasarkan pemerhatian dan pengalaman hidup. Dalam konteks ini Rahimah (2019) turut menegaskan bahawa perubatan tradisional Melayu menggunakan pelbagai herba seperti tongkat ali dan kacip fatimah yang kini terbukti mempunyai khasiat saintifik. Walaupun teks sastera Melayu lama tidak menyenaraikan ramuan secara terperinci, catatan mengenai penawar membuktikan wujudnya tradisi perubatan tempatan. Dalam konteks kontemporari, warisan ini masih relevan kerana banyak kajian farmakologi moden menggunakan herba Melayu sebagai asas penyelidikan bioteknologi dan industri farmasi.

4.3 Ilmu Perkapalan dan Pelayaran

Aspek ilmu yang berkaitan dengan perkapalan dan pelayaran juga menonjol dalam beberapa buah teks sastera Melayu lama. Contohnya, dalam *Syair Siti Zubaidah Perang China* (Abdul Rahman al-Ahmadi, 1994), perihal keterlibatan masyarakat Melayu dalam ilmu perkapalan dan pelayaran tercatat dalam bait syair di bawah melalui beberapa perkataan seperti “layar kapal” dan “haluan”:

Telah ditarik **layarnya kapal**,
Memaling haluan membuang pal,

Sebuah pun tidak ada yang tinggal,
Belayar seperti nyuir sekapal.

Belayar kapal beriring-iring,
Delapan puluh sama bersaing,
Sama berperai, sama berpaling,
Temberang berdengung bunyi berdesing (*Malay
Concordence Project*)

Sementara dalam *Hikayat Hang Tuah* pula, dicatatkan tentang kewujudan kapal yang bernama *Mendam Berahi* sebagai kapal besar dan dilengkapi dengan meriam:

*Maka Mendam Berahi pun di-suroh
dayong ka-laut. Maka Laksamana
memasang meriam tujuh kali” (Malay
Concordence Projek).*

Petikan dalam beberapa buah karya di atas melalui beberapa kata kunci yang diketengahkan memperlihatkan pengetahuan masyarakat Melayu berkaitan aspek mengendalikan kapal dan layar berasaskan fenomena angin serta arus laut. Berdasarkan falsafah *Alam Berkembang Jadi Guru*, tindakan mengikat layar, menarik tali dan menyesuaikan temberang ialah hasil daripada pembelajaran yang diperoleh daripada alam itu sendiri. Falsafah ini menepati pandangan Muhammad Haji Salleh (1998) yang menegaskan bahawa masyarakat Melayu tradisional memperoleh ilmu melalui pemerhatian terhadap alam dan mengasimilasinya ke dalam amalan kehidupan seharian.

Dalam konteks pelayaran, kajian Suleiman dan Omar (2010) menunjukkan bahawa pelaut Melayu memahami pola angin monsun dan arus Lautan Hindi bagi menentukan waktu belayar, arah haluan, dan teknik membuka atau menutup layar. Pengetahuan tentang pemilihan

kayu tempatan untuk pembinaan kapal turut didokumentasikan dalam *Sulalatus Salatin* dan *Undang-Undang Laut Melaka* yang menekankan pemilihan kayu seperti cengal dan merbau berdasarkan daya tahan serta ketahanan terhadap air masin (Rahimah Abdul Aziz, 2019). Prinsip tempatan ini turut relevan pada masa kini apabila teknologi perkapalan hijau kembali menekankan penggunaan tenaga angin semula jadi seperti sistem *wind-assisted propulsion* bagi mengurangkan pelepasan karbon, sejajar dengan trend global ke arah kelestarian maritim (*International Maritime Organization*, 2020).

4.4 Ilmu Mengenal/Memilih Tapak untuk Binaan Landskap

Melalui analisis terhadap teks *Tajul Muluk*, didapati bahawa masyarakat Melayu mempunyai kaedah tersendiri dalam menilai kesesuaian tanah, arah mata angin dan kedudukan air dalam menentukan tapak binaan sesebuah landskap. Landskap rumah atau istana biasanya dibina menghadap arah matahari jatuh ke barat yang melambangkan kiblat dan keberkatan. Perkara ini menunjukkan pemikiran Melayu yang amat menitikberatkan hubungan antara ruang fizikal dan kesejahteraan spiritual. Unsur-unsur alam seperti air, angin, dan tanah pula dianggap berjiwa dan berperanan dalam menentukan kesuburan serta kesejahteraan penghuni. Prinsip ini mencerminkan pandangan hidup masyarakat Melayu yang melihat alam sebagai rakan kehidupan, bukan sekadar sumber bahan binaan sejajar dengan prinsip *Alam Berkembang sebagai Guru*. Dalam hal ini karya Melayu tradisional, melalui *Tajul Muluk* menerangkannya seperti berikut:

Fasal pada menyatakan jika bumi itu
bersurut atau berlubang-lubang atau
berpusu-pusu atau berbukit-bukit
atau tebing yang bereban-reban atau

berlepas-lepas atau berlubang-lubang atau bertanjung-tanjung segala atau sembilan perkara inilah bumi yang amat jahat maka janganlah kita diam di sana alamat akan percitaan atau lagi dukacita dan tiada berkat pada pencarian kita datang kepada anak cucu kita WaLlaha'lam (Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2000, hlm. 2).

Penelitian ini seiring dengan interpretasi Mohd Kipli Abdul Rahman (2016) yang menegaskan bahawa pandangan kosmologi Melayu melihat bentuk bumi, tanah, air dan angin sebagai unsur hidup yang saling berhubung dan mempengaruhi kesejahteraan manusia. Selain itu, masyarakat Melayu zaman dahulu juga membuat tinjauan dan analisis tapak berdasarkan susuk muka bumi yang tinggi atau rendah sesuatu kawasan. Dalam kitab *Tajul Muluk* dinyatakan bahawa kawasan yang berbekat-bekat tinggi rendah boleh menyebabkan anak menderhaka kepada ibu bapa dan hamba sahaya tidak setia kepada tuannya. Sementara kawasan yang mempunyai bentuk “bumi terbabas” pula dipercayai boleh membawa kedukaan kepada penghuninya. “Bumi lembang-lembang” dipercayai boleh mendatangkan bahaya dan kedukaan kepada penghuninya. Hal ini dijelaskan dalam kitab tersebut seperti yang berikut:

Ada pun tiga perkara yang nahas itu pertama yang berbekat-bekat tinggi rendah barang siapa yang duduk di sana alamat hamba sahayanya dan anak cucunya derhaka kepada ibu bapanya dan lari segala hamba sahaya padahnya. Kedua perkara jika bumi itu terbabas

barang siapa diam alamat dukacita
padahnya. Ketiga perkara jika bumi itu
lembang-lembang itu pun maha nahas
tiada harus diam di sana dukacita lagi
papa...(Abdul Rahman Al-Ahmadi,
2000, hlm. 23)

Keadaan di atas mencerminkan pemerhatian mendalam orang Melayu terhadap kesan bentuk geologi terhadap banjir, hakisan dan kestabilan tanah yang merupakan pengetahuan empirik yang selari dengan prinsip *Alam Berkembang jadi Guru*.

Dalam *Tajul Muluk* seperti yang dianalisis oleh Abdul Rahman al-Ahmadi (2000, hlm. 44) terdapat beberapa garis panduan dalam memilih tapak untuk membangunkan rumah kediaman, iaitu seperti yang digariskan di bawah:

- ❖ Kedudukan tapak pada arah bumi senget dari timur ke tenggara, selatan, barat daya, barat tepat, dan barat laut adalah tidak baik untuk dijadikan tapak perumahan.
- ❖ Kedudukan bumi di arah senget tenggara memberi alamat tersekat mata pencarian.
- ❖ Kedudukan pada arah senget ke selatan pula bermaksud alamat turun harta, kehilangan atau kematian.
- ❖ Kedudukan tapak pada arah senget ke barat daya membawa alamat saudara serta kaum keluarga dengki.
- ❖ Kedudukan tapak pada arah senget barat tepat alamat diri akan menjadi lembik, lemah dan berkurang temasam (mengubat orang sakit kerana keteguran hantu).

Kedudukan rumah yang menghadap matahari jatuh ke barat bukan sahaja

merujuk kepada simboliknya dalam Islam tetapi juga mengimbangi faktor cahaya, angin dan kesejukan, berdasarkan pemerhatian terhadap pola harian pergerakan matahari. Kedudukan rumah yang berhadapan sungai, tasik atau laut pula menunjukkan penghayatan Melayu terhadap fungsi air bukan sahaja sebagai sumber bersuci atau minuman, tetapi juga sebagai sistem mobiliti dan penghubung sosial, sekali gus mengesahkan bahawa alam berperanan sebagai instruktur bagi pembentukan budaya dan ruang hidup (Daud, 2012).

4.5 Ilmu Menggubah Landskap

Kajian terhadap teks sastra Melayu lama, khususnya melalui latar tempat dalam teks, menunjukkan masyarakat Melayu zaman dahulu arif dalam ilmu menggubah landskap ibu kota dan istana. Landskap ibu kota dalam *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu* kerajaan Melayu digambarkan seperti berikut:

Syahdan akan negeri pun sudahlah
dengan kota dan paritnya, yang dari
hilir Sungai Kerting, yang dari hulu
Sungai Johor; maka bendahara dan Tun
Seri Nara Diraja menyegerakan orang
membuat istana dan masjid, balairung
kedua dan penanggahan, balai gendang,
kolam dan telaga sekaliannya. Setelah
mustaidlah dengan sepertinya, maka
Sultan Alauddin pun pindahkah ke
istana dengan isteri baginda diiringkan
biti dayang-dayang, perwara mandara
baginda; maka Bendahara dan Seri Nara
Diraja dianugerahi persalin seperti adat.
Maka segala menteri, hulubalang,

Orang Kaya-kaya, sida-sida, bentara
 sekalian masing-masing pindahlah ke
 rumah masing-masing arah tempatnya,
 dan lebuah pekan pesara pun penuh
 pepak kedai orang; pada masa itu
 kampung orang arah ke hilir datang ke
 Beladung, yang hulu sampai ke Bukit
 Piatu, di hulu Kuala Johor (A. Samad
 Ahmad, 1976, hlm. 291-292)

Petikan daripada *Sulalatus Salatin* menggambarkan dengan jelas cara-cara landskap ibu kota dibangunkan dengan mengambil kira struktur alam sekitar seperti sungai, bukit, aliran air serta topografi kawasan. Pembinaan istana, masjid, balairung, balai gendang, kolam dan telaga yang disebut dalam teks bukan sahaja memperlihatkan fungsi pentadbiran dan estetika, tetapi juga mencerminkan kefahaman mendalam terhadap susunan ruang yang serasi dengan bentuk muka bumi dan pergerakan alam (A. Samad Ahmad, 1976).

Penggubahan landskap ini amat berkait rapat dengan falsafah *Alam Berkembang Jadi Guru*, iaitu ajaran bahawa alam menjadi sumber rujukan dan guru utama dalam membentuk kehidupan, pengetahuan dan organisasi sosial masyarakat Melayu. Menurut Muhammad Haji Salleh (1998), falsafah ini menekankan bahawa orang Melayu belajar daripada apa yang mereka lihat, dengar dan alami dalam alam sekitar. Maka, pemilihan tapak istana yang berhampiran sungai besar seperti Sungai Johor dalam petikan tersebut adalah hasil pemerhatian terhadap fungsi sungai sebagai laluan mobiliti, sumber air, pelindung pertahanan semula jadi dan pusat jaringan ekonomi.

Selain itu, susunan kediaman pembesar, halaman istana, kawasan pekan dan kampung rakyat seperti yang digambarkan: “Yang hilir datang ke Beladung, yang hulu sampai ke Bukit Piatu”,

menunjukkan bahawa struktur ibu kota dibentuk mengikut bentuk geografi semula jadi. Perkara ini adalah sejajar dengan pandangan Nik Hassan Shuhaimi (1992) yang menyatakan bahawa kota-kota Melayu tradisional biasanya berkembang mengikuti aliran sungai, sistem lembangan air dan kedudukan bukit sebagai titik kawalan atau sempadan. Dengan kata lain, masyarakat Melayu menyesuaikan reka bentuk ibu kota dengan maklumat yang ‘diajar’ oleh alam mengenai arah angin, paras air, risiko banjir dan bentuk muka bumi.

Pembinaan kolam dan telaga pula memperlihatkan hubungan rapat antara manusia dengan fungsi air sebagai elemen kehidupan dan ketamadunan. Daud (2012) menghuraikan bahawa air dalam budaya Melayu bukan sahaja elemen fizikal tetapi juga simbol pembersihan, keberkatan dan kelangsungan hidup. Kehadiran kolam, parit dan telaga dalam reka bentuk landskap ibu kota merupakan tanda penghayatan Melayu terhadap ajaran alam mengenai pentingnya air sebagai sumber kesuburan, ketahanan ekologi dan pengurusan bencana seperti kemarau.

Dengan demikian, struktur landskap ibu negeri seperti digambarkan dalam *Sulalatus Salatin* bukan dibentuk secara sewenang-wenangnya, tetapi merupakan hasil kearifan tempatan yang memanfaatkan tanda-tanda alam sebagai panduan. Seajar dengan prinsip *Alam Berkembang Jadi Guru*, masyarakat Melayu memahami bahawa pembinaan ibu kota mestilah mengikuti ritma, aturan dan bahasa alam kerana daripada alam itulah manusia belajar bagaimana membentuk ruang hidup yang harmoni, berfungsi dan berkelanjutan.

Sementara itu *Hikayat Siak* menggambarkan kepandaian orang Melayu dalam menggubah landskap istana dengan elemen-elemennya yang tersendiri seperti berikut:

Maka segala orang Besar-Besar pun
berkerahkah orang negeri, menebas

dan menebang dan berbuat kota parit dan istana dan balai dendang dan masjid, pedapuran, penanggah. Setelah sudah, maka baginda pun pundan dari Buntan, semayam di Mampura dengan segala Orang Besar-besar, menteri, hulubalang, bentara dan sida-sida (Muhammad Yusof Hashim, 1992, hlm. 461)

Petikan daripada *Hikayat Siak* memperlihatkan kepakaran masyarakat Melayu dalam mengubah landskap istana dan kawasan pemerintah melalui kerja-kerja menebas, menebang, membina kota, parit, istana, balai dendang, masjid, pedapuran dan penanggah (dapur) (Muhammad Yusof Hashim, 1992). Aktiviti-aktiviti ini bukan sekadar kerja fizikal, tetapi merupakan manifestasi kearifan tempatan masyarakat Melayu dalam membaca, mengkaji dan menyesuaikan diri dengan keadaan alam sekitar. Hal ini secara langsung berkait dengan falsafah *Alam Terkembang Jadi Guru*, iaitu prinsip bahawa alam menjadi sumber utama ilmu, panduan dan rujukan dalam kehidupan (Muhammad Haji Salleh, 1998).

Proses menebas dan menebang hutan untuk membuka kawasan istana misalnya menggambarkan pemahaman masyarakat Melayu terhadap topografi, jenis tanah, arah angin dan potensi banjir. Penelitian antropologi budaya Melayu menunjukkan bahawa pembinaan kota dan istana tradisional sering dilakukan di kawasan yang strategik dari segi pertahanan, akses air dan jaringan sungai, semuanya berdasarkan pemerhatian terhadap tingkah laku alam (Nik Hassan Shuhaimi, 1992). Pembangunan parit dan kota pula mencerminkan pengetahuan Melayu tentang fungsi air sebagai benteng pertahanan semula jadi dan sebagai elemen yang mengawal aliran banjir (Daud, 2012).

Pembinaan masjid dan balai dendang dalam kawasan istana menunjukkan integrasi antara fungsi sosial, ritual, pentadbiran dan ekologi setempat. Hal ini seiring dengan pandangan Hooker (2003) bahawa masyarakat Melayu membina ruang mengikut logik alam, iaitu berdasarkan arah cahaya, aliran angin, kedudukan matahari dan struktur permukaan tanah. Kesemuanya merupakan hasil pembelajaran daripada alam seperti yang ditekankan dalam falsafah *Alam Berkembang Jadi Guru*.

Melalui petikan ini dapat difahami bahawa pembinaan pusat pemerintahan Melayu bukanlah tindakan spontan, tetapi hasil gabungan pengalaman, pemerhatian dan keserasian dengan alam. Maka, *Hikayat Siak* bukan sahaja mencatatkan jajaran sejarah politik, tetapi turut merakamkan kearifan tempatan Melayu terbentuk melalui interaksi intim dengan alam semula jadi sebagai guru yang mengajar tentang ruang, struktur dan kehidupan.

4.6 Ilmu Bedil

Kearifan tempatan Melayu dalam ilmu bedil seperti yang direkodkan dalam pelbagai manuskrip lama menunjukkan bahawa kepakaran orang Melayu dalam mengendalikan senjata api tidak terhasil secara tiba-tiba, tetapi melalui proses pemerhatian, pengalaman dan penghayatan terhadap sifat-sifat alam. Kajian oleh Wan Mohd Dasuki (2013) memperlihatkan terdapat kemahiran dan kepakaran orang Melayu dalam mendeskripsi kaedah pengendalian bedil yang sebenarnya lebih merujuk kepada penggunaan senjata api ringan (senapang).

Deskripsi tersebut menerangkan tentang cara-cara mengisi peluru dan ubat bedil, memposisikan bedil, membidik serta melepaskan tembakan. Hampir keseluruhan cara itu sudah tentu diiringi dengan pembacaan mantra, bahkan turut dikaitkan dengan pengkisahan mitos

yang menawarkan pengertian yang lebih rumit tentang hubungan ilmu atau perkakas material bedil dengan sifat-sifat sakral (Wan Mohd Dasuki, 2013). Proses ini sangat bergantung kepada kefahaman tentang aspek fizikal seperti arah angin, kelembapan udara, kering atau basahnya ubat bedil dan keadaan cahaya yang semuanya diperhatikan daripada pengalaman berdepan dengan alam. Hal ini bertepatan dengan pandangan Mohd Kipli (2016) tentang kosmologi Melayu yang menjelaskan bahawa kemahiran praktis Melayu terbentuk melalui hubungan langsung antara manusia dan alam sebagai ruang belajar.

Terdapat sebuah manuskrip yang berjudul *Petua Menembak Meriam* yang disimpan di Perpustakaan Bahagian Sejarah, Muzium Negeri Terengganu yang dikatalogkan dengan nombor 85.48 dengan judul “Istinggar” (Katalog Induk Manuskrip Melayu, 1993). Pada kulit manuskrip ini tertera ayat “Ini Buku Fasal Tembak Menembak Meriam Setinggar Melayu yang Dahulu-dahulu” dalam huruf Jawi (Wan Mohd Dasuki Wan Abdullah, 2013)

Selain itu, kewujudan ilmu bedil dalam manuskrip seperti *Adat Segala Raja-raja Melayu* menunjukkan bahawa masyarakat Melayu menempatkan ilmu pertukangan dan teknologi dalam satu sistem pengetahuan yang berhubung dengan elemen alam seperti api (pempaterian), air (pencampuran minyak), logam (membuat aloi) dan tanah (pemprosesan bahan galian). Kesemuanya adalah manifestasi pembelajaran daripada alam, bahawa sifat-sifat bahan dapat difahami hanya melalui pengamatan yang mendalam terhadap tingkah lakunya dalam keadaan semula jadi (Omar, 2014).

Dengan demikian, kearifan tempatan Melayu dalam ilmu bedil bukan sahaja membuktikan wujudnya kemahiran teknikal yang tinggi, tetapi juga memperlihatkan pemahaman terhadap fenomena alam menjadi asas kepada penciptaan teknologi tempatan. Prinsip *Alam Berkembang Jadi Guru* jelas terpancar melalui integrasi antara

pemerhatian alam, bahan alam serta simbolisme unsur alam dalam membentuk satu tradisi ilmu bedil yang unik kepada masyarakat Melayu.

4.7 Ilmu Gajah

Kajian oleh Nurul Izzati Mustafa dan Adnan Jusoh (2018) terhadap *Naskhah Mantra Gajah* memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu silam memiliki satu tradisi ilmu yang halus dan mendalam dalam memahami tingkah laku, emosi, tabiat dan ekologi gajah. Pengetahuan ini bukan sekadar teknik menjinakkan atau memelihara gajah, tetapi terbentuk hasil daripada pemerhatian berterusan terhadap alam, khususnya haiwan liar, sehingga melahirkan sistem pengetahuan yang selari dengan falsafah *Alam Berkembang Jadi Guru*.

Falsafah ini menegaskan bahawa segala ilmu datang daripada proses manusia belajar melalui pengalaman mereka dengan alam sekitarnya, termasuklah memerhati gerak, tabiat dan watak haiwan (Muhammad Haji Salleh, 1998). Naskhah ini, yang berasal daripada simpanan Arkib Negara Malaysia dan pernah dikaitkan dengan tokoh pembesar Perak, mengandungi empat bahagian besar yang masing-masing mempamerkan kearifan tempatan Melayu yang dibentuk melalui hubungan rapat dengan alam.

Bahagian pertama memuatkan jampi serapah untuk melembutkan atau menundukkan hati gajah liar, iaitu “Om darang muaknya darang darang langli telun changku kau kusa mu hatiku akan chucha mu lidah kau akan sangkal mu tendurung ke kanan kendurung ke kiri tunduk cinta kepada kau puah rab”. Penggunaan mantra yang mengandungi metafora alam, seperti unsur angin, suara dan getaran menggambarkan kefahaman masyarakat Melayu terhadap bahasa simbolik alam yang dipercayai mampu mempengaruhi perilaku makhluk lain (Daud, 2012).

Dalam konteks kosmologi Melayu, hubungan manusia dan haiwan bukan hanya fizikal tetapi juga spiritual, selaras dengan kepercayaan bahawa setiap unsur alam memiliki semangat yang boleh dipujuk atau ditenangkan (Mohd Kipli Abdul Rahman, 2016).

Bahagian kedua pula menjelaskan kaedah merawat penyakit gajah menggunakan bahan-bahan semula jadi seperti buah mating yang dibakar, air limau nipis, madu, garam Siam dan kulit badak seperti berikut: “maka ambil buah mating bakar hangus-hangus, maka asah dengan air limau nipis, maka bubuh pada mata gajah itu.”

Penggunaan bahan alamiah sebagai ubat mencerminkan kefahaman empirikal orang Melayu tentang sifat perubatan tumbuhan, mineral dan bahan hutan, pengetahuan yang terhasil daripada pemerhatian jangka panjang terhadap tingkah laku haiwan dan reaksi tubuh gajah terhadap pelbagai bahan (Omar, 2014). Hal ini sejajar dengan falsafah *Alam Terkembang Jadi Guru*, iaitu tumbuhan, bau, rasa dan kesan fizikalnya menjadi guru yang mengajar manusia tentang fungsi penyembuhan.

Bahagian ketiga naskhah memperincikan pelbagai petua untuk memastikan gajah sentiasa sihat, gemuk, berani dan memiliki gading yang cantik. Petua ini merupakan bentuk ilmu praktis yang muncul daripada pengalaman berulang masyarakat Melayu yang hidup rapat dengan alam rimba. Petua seperti merendam kulit badak dan garam Siam di dalam air madu untuk dijadikan makanan gajah menunjukkan bahawa setiap bahan dipilih berdasarkan sifat naturalnya, ketahanan kulit badak, mineral garam dan khasiat tenaga madu. Semuanya itu merupakan pengetahuan yang diasah oleh pengalaman alamiah yang mendalam (Nurul Izzati & Adnan, 2018).

Bahagian keempat pula menekankan aspek perlindungan spiritual ketika menangkap gajah di tengah rimba melalui amalan menghalau hantu atau jembalang hutan. Perkara ini bukan sekadar

kepercayaan, tetapi menggambarkan cara masyarakat Melayu mentafsirkan risiko, bahaya dan “kuasa alam” ketika berada di wilayah haiwan liar. Hutan dianggap sebagai ruang hidup yang mempunyai semangat dan penjaga, seiring dengan pandangan kosmologi bahawa alam penuh dengan tenaga yang perlu dihormati (Hooker, 2003). Oleh itu, ritual perlindungan ialah sebahagian daripada kesedaran ekologi spiritual yang diajar oleh alam itu sendiri.

Keseluruhannya, *Naskhah Mantra Gajah* mempamerkan pengetahuan Melayu tentang gajah adalah terhasil melalui interpretasi alam, pengalaman rimba, pemerhatian haiwan liar dan hubungan spiritual manusia dengan ekosistem. Semua ini ialah manifestasi jelas tentang falsafah *Alam Terkembang Jadi Guru* yang mengajar manusia seni memahami, mengubati dan menjinakkan makhluk yang kompleks seperti gajah.

5. KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini menegaskan bahawa teks sastra Melayu lama bukan sahaja bernilai sebagai karya kesusasteraan, tetapi lebih penting lagi berfungsi sebagai dokumen ilmu yang merakam kearifan tempatan masyarakat Melayu. Melalui analisis terhadap *Hikayat Hang Tuah*, *Sulalatus Salatin*, *Hikayat Raja Pasai* dan *Undang-Undang Laut Melaka* dan lain-lain terbukti bahawa masyarakat Melayu tradisional telah menguasai bidang ilmu falak, perubatan, perkapalan dan pelayaran, serta seni bina landskap dengan berpandukan pemerhatian terhadap alam. Alam dijadikan sumber pengetahuan, manakala pengalaman empirik dijadikan asas pengukuhan ilmu. Pendekatan *Alam Terkembang Jadi Guru* mengajar bahawa alam semesta merupakan guru yang mendidik manusia cara untuk menyesuaikan diri, mencipta teknologi dan mengurus kehidupan.

Dengan itu, jelaslah bahawa falsafah ini adalah inti epistemologi Melayu silam yang menghubungkan manusia dengan kosmos dalam satu sistem pengetahuan yang harmoni.

Dapatan kajian memperlihatkan bahawa prinsip ini amat relevan dalam konteks kontemporari. Ilmu falak yang dahulu digunakan untuk pelayaran boleh dijadikan inspirasi dalam pendidikan astronomi moden. Ilmu perubatan tradisional yang berpaksikan herba tempatan mampu disepadukan dengan penyelidikan farmasi kontemporari. Teknologi perkapalan dan pelayaran berasaskan angin serta arus boleh menyumbang kepada inovasi maritim hijau yang menyokong kelestarian alam. Seni bina Melayu yang berasaskan ventilasi semula jadi, rumah berpanggung dan penggunaan bahan tempatan pula boleh dijadikan model bagi pembangunan bandar lestari yang menepati prinsip ekologi. Maka, falsafah *Alam Berkembang Jadi Guru* bukan sahaja penting untuk memahami masa silam, tetapi juga wajar dijadikan asas bagi menangani cabaran pembangunan moden yang kian mendesak.

Sehubungan itu, terdapat beberapa cadangan yang boleh diketengahkan. Pertama, institusi pendidikan perlu memberi ruang kepada integrasi teks klasik dalam kurikulum, bukan sekadar dari sudut estetika sastera tetapi juga sebagai sumber ilmu. Perkara ini membolehkan generasi muda memahami bahawa karya lama menyimpan pengetahuan saintifik, budaya dan falsafah yang masih relevan. Kedua, penyelidik wajar meneroka teks klasik menggunakan kaedah interdisiplin seperti ekokritikan, etnobotani, dan sains maritim untuk menghubungkan warisan dengan pembangunan semasa. Ketiga, penggubal dasar budaya perlu menilai semula khazanah ilmu Melayu ini sebagai aset strategik untuk identiti bangsa, pembangunan lestari, dan diplomasi budaya. Keempat, komuniti setempat boleh digalakkan untuk menghidupkan kembali pengetahuan tradisional ini melalui projek pemuliharaan, inovasi herba, pendidikan warisan dan pelancongan budaya.

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa falsafah *Alam Berkembang Jadi Guru* memberi asas kukuh untuk membaca, mentafsir dan menghidupkan semula kearifan tempatan yang terkandung dalam teks sastra Melayu lama. Alam telah menjadi guru kepada masyarakat silam dan prinsip ini wajar terus dijadikan pedoman agar ilmu tradisional tidak hilang, tetapi sebaliknya berkembang seiring dengan tuntutan zaman moden.

RUJUKAN

- Abdul Rahman al-Ahmadi. (1994). *Syair Siti Zubaidah Perang China, Perspektif Sejarah*. Perpustakaan Megara Malaysia. Diakses daripada *Malay Concordance Project* <https://mcp.anu.edu.au/Q/mcp.html>.
- Alisjahbana, T. S. (2008). *Kearifan lokal dalam perspektif kebudayaan*. Pustaka Jaya.
- A. Samad Ahmad. (1976). *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bukhari al-Jauhari. (Khalid M. Husain, Ed.). (1992). Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Pelajar. Diakses daripada <https://mcp.anu.edu.au/Q/mcp.html>.
- Braginsky, V. (1994). *The heritage of traditional Malay literature: A historical survey of genres, writings and literary views*. Leiden: KITLV Press.
- Creswell, J. W. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Daud, W. R. W. (2012). *Pengetahuan tradisional Melayu dalam hubungan manusia dan alam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Geertz, C. (1973). *The interpretation of cultures*. New York: Basic Books.
- Hj Khalid Muhammad Hussain (ed). (1986). *Hikayat Islandar Zulkarnain 2nd Ed*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hooker, V. (2003). *A short history of Malaysia: Linking East and West*. Allen & Unwin.
- International Maritime Organization. (2020). *Reducing greenhouse gas emissions from ships: Wind-assisted propulsion in modern shipping*. IMO Publishing.

Kassim Ahmad (ed.). (1975). *Hikayat Hang Tuah*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Diakses daripada <https://mcp.anu.edu.au/Q/mcp.html>.

Khairul Azhar Meerangani, Shahrul Munir Kaulan, Mohammad Fahmi Abdul Hamid, Siti Nurul Izza Hashim & Dawami (2025). *Islamic aesthetics and local wisdom in Malay traditional attire: A study on Baju Melayu*. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(4), 1988–1996. <https://rsisinternational.org/journals/ijriss/articles/islamic-aesthetics-and-local-wisdom-in-malay-traditional-attire-a-study-on-baju-melayu/>

Muhammad Haji Salleh. (1998). *Puitika Sastra Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Hanif Abdul Wahab dan Azizi Baharuddin. (2017). Konsep ‘alam talambang jadi guru’ terhadap Organisasi Ruang Rumah Tradisional Negeri Sembilan (RTNS) di Rembau Malaysia. *Conference Social Sciencea Postgraduate International Seminar (SSPIS) 2017*. At Sains@USM, Bayan Lepas, Penang, Malaysia

Mohd Kipli Abdul Rahman. (2016). Kosmologi Melayu dan hubungan manusia–alam: Suatu analisis tekstual. *Jurnal Persuratan Melayu*, 27(1), 1–20.

Mohd Norahman Shah Mohd Salleh, Meerangani, Abdul Hamid, Hashim, & Abd Wahab. (2025). The principle of Al-Tayyib in the local wisdom of Malay community’s food culture. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(4), 1967–1975. <https://rsisinternational.org/journals/ijriss/articles/the-principle-of-al-tayyib-in-the-local-wisdom-of-malay-communitys-food-culture/>

Muhammad Yusof Hashim. (1992). *Hikayat Siak: Suntingan Teks*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. (1992). *Warisan budaya Malaysia: Seni bina dan perancangan kota Melayu tradisional*. Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- Nurul Izzati Mustafa, & Adnan Jusoh. (2018). Ilmu gajah dalam Naskhah Mantra Gajah: Satu kajian teks. *Jurnal Manuskrip Melayu*, 30(1), 75–92.
- P.P. Roorda van Esynga (ed). (1827) *Taj al-Salatin*. Lands Drukkerij. Dipetik daripada <https://mcp.anu.edu.au/Q/mcp.html>.
- Rahimah Abdul Aziz. (2019). Maritime knowledge in classical Malay texts: Shipbuilding and seafaring traditions. *Journal of Maritime and Cultural Studies*, 7(2), 45–60.
- Rahimah A. Hamid. (2019). Kearifan tempatan dalam perubatan tradisional Melayu: Antara warisan dan cabaran komersialisasi. *Jurnal Warisan Nusantara*, 4(2), 45–62.
- Rahman Shaari. (2015). *Falsafah Alam Terkembang Jadi Guru dalam sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rehayati, Hasbi, & Martius. (2023). An exploration of local wisdom: Rites of passage in Malay culture in Riau and Palembang. *Jurnal Adabiyah*, 23(2), 213–228. <https://www.researchgate.net/publication/373697257>
- Suleiman, A., & Omar, A. R. (2010). Traditional Malay seamanship: Knowledge of winds, currents and navigation in the Malay Archipelago. *Kajian Malaysia*, 28(1), 23–48.
- Teuku Iskandar (ed). (1958). *De Hikajat Atjeh (Hikayat Aceh)*. Verhandelingen van het Instituut Cood Taal. Diakses daripada <https://mcp.anu.edu.au/Q/mcp.html>.

- Taisin. (2024). Pengaruh kepercayaan dan kearifan tempatan terhadap amalan perubatan tradisional masyarakat Kadazandusun. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(3), 592–604. <https://mjsshonline.com/index.php/journal/article/view/592>
- Yaacob, A., Hassan, R., Abdullah, Z., & Rahman, F. (2024). Moral values in Malay folklore: Perspectives of learners. *Dialnet*, 10085924, 1–15. <https://dialnet.unirioja.es/descarga/articulo/10085924.pdf>
- Yatim, O. (2020). Ilmu falak dan astronomi Melayu: Warisan dan kesinambungan. *Jurnal Falak dan Sains Islam*, 12(1), 1–18.
- Zakaria, R., & Abdul Karim, N. (2021). Prinsip lestari dalam seni bina tradisional Melayu: Analisis terhadap rumah berpanggung. *Jurnal Alam Bina*, 23(2), 101–118.